

## KUALITI GURU BAHASA ARAB KE ARAH MEMPERKASAKAN KETAMADUNAN ISLAM ABAD KE-21

‘Afirah Binti Ahmad @ Ahmad Rusdi<sup>1</sup>

Mardzelah binti Makhsin<sup>2</sup>

Mohamad Fadhli bin Ilias<sup>3</sup>

### ABSTRAK

**E-JITU**

Acceptance date:  
1<sup>ST</sup> May 2021

Valuation date:  
15<sup>th</sup> July 2021

Publication date:  
23<sup>rd</sup> December 2021

*Kajian bertujuan untuk mengkaji tahap kualiti diri guru Bahasa Arab dan hubungannya terhadap tahap minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab ke arah menterjemahkan ketamadunan Islam dalam generasi abad ke-21. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik adalah instrumen kajian. Teknik persampelan Rawak Berstrata telah digunakan untuk menentukan sampel. Sampel saiz yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 196 pelajar sekolah rendah. Tahap kewajaran ujian dan soalan dinilai dan diperakukan oleh pakar akademik sebelum kajian dilaksanakan. Keputusan*

*menunjukkan bahawa tahap kualiti diri guru Bahasa Arab adalah tinggi di mana keperibadian seorang guru memberi kesan kepada pelajarnya. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan minat pelajar terhadap Bahasa Arab berada pada tahap yang baik dan tinggi. Di samping itu terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan minat pelajar dengan kualiti diri guru. Hasil kajian ini memberikan implikasi kepada pemantapan kualiti pengajaran guru bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif dan minat pelajar dalam menguasai bahasa Arab ke arah melestarikan ketamadunan Islam Abad Ke-21.*

**Kata kunci:** Kualiti Guru; Minat Pelajar; Bahasa Arab; Ketamadunan; Islam

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.

<sup>1</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Corresponding author. Email mazfaniy@uum.edu.my.

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.

**THE QUALITY OF ARABIC LANGUAGE TEACHERS TOWARDS  
STRENGTHENING ISLAMIC CIVILIZATION  
IN THE 21ST CENTURY**

**ABSTRACT**

*The study aimed to study the level of quality of Arabic language teachers and their relationship to the level of interest of students in Arabic subjects towards strengthening Islamic civilization in the 21st century. This study uses a quantitative approach and the questionnaire is a research instrument. Randomized sampling technique has been used to determine the sample. The sample size involved in this study consists of 196 students in the primary schools. Levels of test and questions are evaluated and certified by academic specialists prior to the survey. The results show that the level of self-determination of Arabic teachers is high where the personality of a teacher affects his students. The findings show that students' interest in Arabic is at a good level and high. Also, the results shown the significant relationship between the tendency of student interest and the quality of the teacher. The results of this study have implications for the strengthening of the quality of teaching of Arabic language teachers in increasing the positive attitude and interest of students in mastering the Arabic language towards preserving the Islamic civilization in the 21st century.*

**Keywords:** Quality of Teachers; Student Interests; Arabic language; Civilization; Islam.

**PENDAHULUAN**

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mempunyai jumlah penutur yang paling banyak di dunia. Justeru bahasa ini telah diakui sebagai salah satu bahasa antarabangsa. Hakikatnya, keunikan bahasa ini menjadikanya bahasa yang begitu istimewa sekali di peringkat global. Salah satu daripada keistimewaananya adalah kerana pemilihan bahasa ini sebagai bahasa Al-Quran yang menjadi sumber rujukan khususnya kepada umat Islam seluruh dunia. Bahasa ini merupakan asas serta medium kepada penyebaran ilmu pengetahuan bermula sejak penurunan wahyu pertama Ilahi. Kita dapat bahawa pada masa kini bahasa arab dipelajari di mana-mana sahaja di seluruh pelosok dunia dengan pelbagai tujuan, antaranya memahami agama, memudahkan urusan perdagangan, menjalinkan hubungan diplomatik dan lain-lain lagi (Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily, 2007). Bahasa Arab pada masa kini telah menjadi salah satu bahasa utama dunia setanding dengan bahasa-bahasa utama yang lain.

Antara faktor yang menyumbang kepada penerimaan dunia terhadap penggunaanya adalah kerana penyebarannya yang luas meliputi banyak negara dan jumlah penutur negara jatinya yang begitu besar. Penutur jati bahasa ini ia mempunyai lebih kurang 186 juta orang penutur jati yang mendiami sebahagian besar negara-negara di Asia Tengah dan Afrika seperti Arab Saudi, Mesir, Jordan Libya, Sudan, Syria, Iraq, Lubnan, Kuwait, Maghribi, Tunisia, Oman, Emeriah, Arab Bersatu dan Yaman. Justeru Bahasa Arab kini dianggap sebagai bahasa utama dunia selain bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol (Zainur Rijal dan Rosni, 2007). Bahasa Arab turut berkembang sebagai bahasa utama dunia dalam arus Pendidikan global. Penubuhan institusi pengajian tinggi selain negara Arab seperti di United Kingdom dan United Stated, Turki dan Morocco termasuk Malaysia membuktikan penerimaan bahasa Arab di peringkat Antarabangsa(Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily, 2007).

Di Malaysia, bahasa Arab merupakan bahasa ketiga selepas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bahasa Arab penting di Malaysia kerana penduduknya majoriti beragama Islam yang merujuk al-Quran dan al-Hadith yang menggunakan bahasa Arab sebagai dasar utama dalam melaksanakan syariat Islam. Justeru pembelajaran bahasa Arab terus mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah, 1989). Pada masa kini, kurikulum Dini diperkenalkan di peringkat sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) (Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shaharuddin, 2014). Bagi peringkat tinggi pula, beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian bahasa Arab di pelbagai peringkat pengajian seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Berdasarkan perkembangan terkini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah merentasi pelbagai peringkat bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, penguasaan dan pencapaian pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara keseluruhannya belum memuaskan dan masih tidak mencapai matlamat yang disasarkan (Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, 2015). Oleh yang demikian, proses pembelajaran bahasa Arab perlu menekankan aspek kemahiran berbahasa yang menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran bidang bahasa. Sehubungan itu, kajian-kajian seperti Abd Rauf Hassan Azhari (2005), Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2005), Zawawi Ismail, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Alauddin Othman (2011), Ibtisam Abdullah dan Zamri Ahmad (2012), Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad dan Azman Che Mat (2013) dan

Mohd Firdaus Yahaya, Mohd Shahrizal Nasir, Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Zulazhan Ab. Halim dan Essmat Nasr Sweedan (2014) menjadikan aspek kemahiran berbahasa sebagai perkara utama dalam perbincangan kajian ke arah penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini dipelajari secara beransur-ansur dari yang paling asas dan mudah kepada kemahiran yang kompleks.

Justeru kemahiran berbahasa memerlukan pendekatan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan lima elemen iaitu komunikasi, kolaborasi, kristis, kreatif dan nilai murni. Kajian ini mengetengahkan hubungan pembelajaran PAK21 yang digunakan oleh pendidik dengan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dalam konteks pendidikan bahasa Arab, kualiti dan kompetensi seorang pendidik perlu dititikberatkan kerana bahasa Arab berfungsi sebagai wasilah untuk mendalami dan menghayati ajaran agama (Husni Abdullah et. al., 2018) dan seterusnya memaknakan kehidupan dalam melestarikan ketamadunan Islam.

Cabar terbesar pendidik ialah mengembalikan dan meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaannya dalam sistem pendidikan negara dan budaya masyarakat Malaysia. Ini kerana pendidikan bahasa Arab selama ini telah disimpulkan sebagai tidak berjaya berdasarkan daripada analisis keputusan Peperiksaan Akhir Tahun bagi subjek Bahasa Arab bermula dari tahun 2015 hingga 2017 didapati penurunan peratus kelulusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Perihal kedudukan istimewa mata pelajaran Bahasa Arab dalam arus pendidikan negara dan situasi terkini, pendidikan Bahasa Arab menambah beban tanggungjawab yang perlu dilunaskan oleh semua guru Bahasa Arab. Kejayaan menongkah cabaran dan memikul amanah besar ini terletak pada kompetensi dan kualiti guru Bahasa Arab yang sedia ada sekarang ini.

Namun, persoalan utama yang mendesak di sebalik cabaran tersebut ialah; Adakah tenaga pengajar Bahasa Arab yang disediakan memenuhi kriteria pengajar bahasa yang sebenar? (Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 2010). Sehubungan dengan itu, bagi menjamin kelangsungan proses transformasi dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan bahasa Arab. maka terhasillah banyak kajian yang berkaitan dengannya. Antaranya hasil kajian Mohammad Rusdi & Zawawi (2018) guru bahasa Arab di Malaysia mempunyai pengetahuan yang baik dalam Pengetahuan Teknologi dan sangat baik dalam kreativiti pengajaran. Aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan sebahagian daripada perkara penting yang sentiasa dibincangkan dalam mana-mana kajian yang berkaitan dengan pendidikan. Guru merupakan aset yang penting dalam memastikan kejayaan pelajar.

Kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak bergantung sepenuhnya kepada kecekapan para guru dan kemantapan kurikulum, namun minat, sikap dan keduduan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari memainkan peranan yang amat penting. Minat dan sikap merupakan dua perkara yang berbeza. Minat lahir daripada perasaan dalaman yang mungkin boleh mempengaruhi pergerakan dan mengubah sikap seseorang. Sikap pula adalah amalan yang dapat dilihat secara jelas yang lahir atau dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti minat dan kecenderungan, kepercayaan, kesedaran, dan cara berfikir. Kebuasaannya sikap dan amalan seseorang mempunyai kaitan yang rapat dengan minat dan kecenderungan terhadap sesuatu yang dipelajari (Ab.Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong, 2016).

Oleh yang demikian, guru memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha meningkatkan kaedah pengajaran demi meningkatkan minat pelajar untuk menguasai Bahasa Arab. Pelbagai faktor telah dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mencari punca-punca kemerosotan dan permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Arab. Justeru, kajian ini merupakan kajian yang menjurus kepada hubungan kualiti guru dengan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

## METODOLOGI

Kajian ini bertujuan mengetahui tahap kualiti guru dan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Selanjutnya kajian ini melihat kepada hubungan antara kualiti guru dan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif, seramai 196 orang pelajar di enam buah sekolah rendah dalam daerah Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis data perisian "Statistical Package for Social Science (SPSS)". Soal selidik yang digunakan oleh penyelidik dibahagikan kepada tiga bahagian di mana bahagian A berkaitan dengan demografi jantina pelajar. Soalan bahagian B pula berkaitan dengan kualiti guru. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga konstruk iaitu amalan profesionalisme guru di bilik darjah yang mengandungi sepuluh soalan, konstruk kemahiran berkomunikasi yang mengandungi tujuh soalan dan konstruk tahap kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah yang mengandungi lapan soalan. Manakala bahagian C merupakan soal selidik yang berkaitan dengan konstruk minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab yang mengandungi sepuluh soalan. Secara keseluruhannya bahagian B mengandungi 26 soalan. Kenyataan dalam instrumen ini disusun dengan menggunakan format skala "Likert" yang mengandungi lima pilihan jawapan antara satu hingga lima. Skala Likert amat sesuai digunakan untuk menjalankan kajian ini. Ini adalah kerana Skala Likert membolehkan penyelidik mengawal maklum balas yang berat sebelah. Nilai satu mewakili 'sangat tidak setuju', nilai dua mewakili 'tidak setuju',

nilai tiga mewakili 'kurang setuju', nilai empat mewakili 'setuju' dan nilai lima mewakili 'sangat setuju'. Setelah selesai semua instrumen dijawab, penyelidik mengumpulkan semula instrumen tersebut untuk dibuat analisa berdasarkan jadual berikut:

Jadual 1: Analisis Data bagi setiap objektif kajian.

Bil	Objektif Kajian	Analisis
1	Mengenal pasti tahap amalan profesionalisme guru di bilik darjah.	Deskriptif
2	Mengenal pasti tahap kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah.	Deskriptif
3	Mengenal pasti tahap amalan pengurusan bilik darjah.	Deskriptif
4	Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara amalan profesionalisme guru dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.	Ujian Korelasi
5	Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.	Ujian Korelasi
6	Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.	Ujian Korelasi

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Analisis Deskriptif Kualiti Guru Mengikut Dimensi Amalan Profesionalisme Guru

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menunjukkan dimensi Amalan Profesionalisme Guru. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati nilai min bagi amalan profesionalisme guru ialah 4.57 dengan sisihan piawai .35. Nilai ini menunjukkan kualiti guru mengikut amalan profesionalisme guru dalam kalangan responden adalah tinggi. Jadual 2 menunjukkan peratusan jawapan yang diperoleh daripada responden berdasarkan dimensi amalan profesionalisme guru bagi kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Item yang pertama Guru bertimbang rasa terhadap setiap pelajar dalam kelas berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 4.70 (SP .52). Manakala item yang kedua Guru bersikap adil terhadap setiap pelajar dalam kelas dengan nilai min 4.64 (SP .55). Guru bersikap prihatin terhadap setiap pelajar dalam kelas dengan nilai min 4.68 (SP .558). Item seterusnya guru menunjukkan kesungguhan dalam menyampaikan pelajaran dengan nilai min 4.69 (SP .516). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru sentiasa menepati masa untuk mengajar 4.29 (SP .702). Guru bersikap mesra terhadap setiap pelajar dalam kelas dengan nilai min 4.46 (SP .659). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru bersikap sabar terhadap setiap pelajar dalam kelas 4.48 (SP .668). Guru mempunyai perwatakan yang positif yang boleh dicontohi pelajar dengan nilai

min 4.58 (SP .563). Seterusnya bagi item guru mudah didekati oleh setiap pelajar dalam kelas dengan nilai min 4.48 (SP .675). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi pelajar 4.70 (SP .549). Guru mempunyai kualiti diri seorang pendidik yang cemerlang dengan nilai min 4.69 (SP .564).

Jadual 2: *Tahap amalan profesionalisme guru di bilik darjah.*

Item	Min	Sp	Tahap
Guru bertimbang rasa terhadap setiap pelajar dalam kelas	4.70	.523	Tinggi
Guru bersikap adil terhadap setiap pelajar dalam kelas	4.64	.551	Tinggi
Guru bersikap prihatin terhadap setiap pelajar dalam kelas	4.68	.558	Tinggi
Guru menunjukkan kesungguhan dalam menyampaikan pelajaran	4.69	.516	Tinggi
Guru sentiasa menepati masa untuk mengajar	4.29	.702	Tinggi
Guru bersikap mesra terhadap setiap pelajar dalam kelas	4.46	.659	Tinggi
Guru bersikap sabar terhadap setiap pelajar dalam kelas	4.48	.668	Tinggi
Guru mempunyai perwatakan yang positif yang boleh dicontohi pelajar	4.58	.563	Tinggi
Guru mudah didekati oleh setiap pelajar dalam kelas	4.48	.675	Tinggi
Guru mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi pelajar	4.70	.549	Tinggi
Guru mempunyai kualiti diri seorang pendidik yang cemerlang	4.69	.564	Tinggi
<b>Amalan Profesionalisme Guru</b>	<b>4.57</b>	<b>.35</b>	<b>Tinggi</b>

#### **Analisis Deskriptif Kualiti Guru Mengikut Dimensi Kemahiran Berkommunikasi Guru di Bilik Darjah**

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menunjukkan dimensi kemahiran berkommunikasi guru di bilik darjah. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati nilai min bagi kemahiran berkommunikasi guru di bilik darjah ialah 4.61 dengan sisihan piawai .383. Nilai ini menunjukkan kualiti guru mengikut dimensi kemahiran berkommunikasi guru di bilik darjah dalam kalangan responden adalah tinggi. Jadual 3 menunjukkan perbandingan bagi item-item yang terdapat di dalam konstruk tahap kemahiran berkommunikasi guru di bilik darjah. Berdasarkan jadual di bawah, item tiga iaitu guru menyampaikan pelajaran dengan bahasa yang betul, menunjukkan bacaan min tertinggi iaitu 4.76 (SP .495). Item guru menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami pelajar dengan nilai min 4.64 (SP .596). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru berjaya memotivasi pelajar dengan memberi pujian ialah 4.57 (SP .625). Seterusnya item guru menyampaikan pelajaran dengan sebutan yang jelas dengan nilai min 4.66 (SP .554). Guru menggunakan nada suara yang sesuai semasa mengajar dalam kelas dengan nilai min 4.58 (SP .647). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru mendengar perkara yang diberitahu oleh pelajar ialah 4.48 (SP .683). Guru memberi maklum balas kepada pertanyaan pelajar dengan nilai min 4.58 ( Sp .623).

Jadual 3: Tahap kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah.

Item	Min	Sp	Tahap
Guru menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami pelajar	4.64	.596	Tinggi
Guru berjaya memotivasi pelajar dengan memberi pujian	4.57	.625	Tinggi
Guru menyampaikan pelajaran dengan bahasa yang betul	4.76	.495	Tinggi
Guru menyampaikan pelajaran dengan sebutan yang jelas	4.66	.554	Tinggi
Guru menggunakan nada suara yang sesuai semasa mengajar dalam kelas	4.58	.647	Tinggi
Guru mendengar perkara yang diberitahu oleh pelajar	4.48	.683	Tinggi
Guru memberi maklum balas kepada pertanyaan pelajar	4.58	.623	Tinggi
<b>Kemahiran Berkomunikasi</b>	<b>4.61</b>	<b>.383</b>	<b>Tinggi</b>

#### Analisis Deskriptif Kualiti Guru Mengikut Dimensi Amalan Pengurusan Bilik Darjah

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menunjukkan dimensi amalan pengurusan bilik darjah. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati nilai min bagi amalan pengurusan bilik darjah ialah 4.68 dengan sisihan piawai .323. Nilai ini menunjukkan kualiti guru mengikut dimensi amalan pengurusan bilik darjah dalam kalangan responden adalah tinggi. Jadual 4 menunjukkan peratusan jawapan yang diperoleh daripada responden berdasarkan dimensi amalan pengurusan bilik darjah bagi kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Item yang pertama guru memastikan bilik darjah ceria untuk proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 4.76 (SP .497). Manakala item yang kedua guru meminta pelajar mematuhi peraturan sekolah dengan nilai min 4.83 (Sp .414). Guru memastikan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran dalam kelas dengan nilai min 4.79 (Sp .444). Item guru menegur salah laku pelajar dengan serta-merta tanpa memalukan pelajar dalam kelas pula bacaan min nya ialah 4.41 (Sp .693). Nilai min dan sisihan piawai bagi item guru memastikan susun atur kedudukan pelajar sesuai dengan aktiviti yang dijalankan di kelas ialah 4.62 (Sp .599). Guru menggunakan ruang bilik darjah sepenuhnya untuk pembelajaran pelajar dengan nilai min 4.60 (Sp .595). Manakala item guru memastikan kelas selamat sebelum menjalankan aktiviti dengan nilai min 4.63 (Sp .581). Item terakhir dalam dimensi amalan pengurusan bilik darjah iaitu guru memastikan pelajar tidak bising semasa pembelajaran dijalankan dalam kelas dengan nilai min 4.85 (sp .401).

Jadual 4: Analisis tahap amalan pengurusan bilik darjah.

Item	Min	Sp	Tahap
Guru memastikan bilik darjah ceria untuk proses pengajaran dan pembelajaran	4.76	.497	Tinggi
Guru meminta pelajar mematuhi peraturan sekolah	4.83	.414	Tinggi
Guru memastikan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran dalam kelas	4.79	.444	Tinggi
Guru menegur salah laku pelajar dengan serta-merta tanpa memalukan pelajar dalam kelas	4.41	.693	Tinggi
Guru memastikan susun atur kedudukan pelajar sesuai dengan aktiviti yang dijalankan di kelas	4.62	.599	Tinggi
Guru menggunakan ruang bilik darjah sepenuhnya untuk pembelajaran pelajar	4.60	.595	Tinggi
Guru memastikan kelas selamat sebelum menjalankan aktiviti	4.63	.581	Tinggi
Guru memastikan pelajar tidak bising semasa pembelajaran dijalankan dalam kelas	4.85	.401	Tinggi
<b>Pengurusan bilik darjah</b>	<b>4.68</b>	<b>.323</b>	<b>Tinggi</b>

#### Analisis Deskriptif Tahap Minat Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menunjukkan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati nilai min bagi minat pelajar dalam bahasa arab ialah 4.35 dengan sisihan piawai .398. Nilai ini menunjukkan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa arab di kalangan responden adalah tinggi. Jadual 5 menunjukkan perbandingan bagi item-item yang terdapat di dalam konstruk minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Berdasarkan jadual di bawah, item satu saya sangat meminati mata pelajaran Bahasa Arab dengan bacaan min 4.68 (Sp .556), bacaan tersebut menunjukkan tahap min yang tertinggi dalam item minat pelajar. Manakala item yang kedua saya sangat meminati mata pelajaran Bahasa Arab dengan nilai min 4.68 (Sp .556). Pembelajaran Bahasa Arab menggalakkan saya berfikir dengan nilai min 4.43 (Sp .633). Item Pembelajaran Bahasa Arab memberi kesan dalam kehidupan saya dengan nilai min 4.45 (Sp .704). Nilai min bagi item kandungan buku teks Bahasa Arab amat menarik ialah 3.96 (Sp .844). Adakah anda bersetuju Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang sukar dengan nilai min 4.39 (Sp .812). Manakala bagi item saya tahu menggunakan kamus Bahasa Arab dengan nilai min 3.81 (Sp .746). Penggunaan bahan bantu mengajar membantu saya meningkatkan pemahaman saya dalam Bahasa Arab dengan nilai min 4.30 (Sp .726). Nilai min bagi item penggunaan lagu dan nasyid mengikut rentak lagu Melayu semasa menjadikan saya lebih berminat belajar Bahasa Arab ialah 4.55 (Sp .626). Item Guru Bahasa Arab saya berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui kaedah ini dengan nilai min 4.55 (Sp .626). Penggunaan kaedah pengajaran guru

yang pelbagai menjadikan saya lebih berkeyakinan dalam menulis ayat dengan nilai min 4.47 (Sp .682).

Tahap minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Item	Min	Sp	Tahap
Saya sangat meminati mata pelajaran Bahasa Arab	4.68	.556	Tinggi
Pembelajaran Bahasa Arab menggalakkan saya berfikir	4.43	.633	Tinggi
Pembelajaran Bahasa Arab memberi kesan dalam kehidupan saya	4.45	.704	Tinggi
Kandungan buku teks Bahasa Arab amat menarik	3.96	.844	Tinggi
Adakah anda bersetuju Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang sukar	4.39	.812	Tinggi
Saya tahu menggunakan kamus Bahasa Arab	3.81	.746	Tinggi
Penggunaan bahan bantu mengajar membantu saya meningkatkan pemahaman saya dalam Bahasa Arab	4.30	.726	Tinggi
Penggunaan lagu dan nasyid mengikut rentak lagu Melayu semasa menjadikan saya lebih berminat belajar Bahasa Arab	4.55	.626	Tinggi
Guru Bahasa Arab saya berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui kaedah ini	4.55	.626	Tinggi
Penggunaan kaedah pengajaran guru yang pelbagai menjadikan saya lebih berkeyakinan dalam menulis ayat	4.47	.682	Tinggi
<b>Minat Pelajar</b>	<b>4.35</b>	<b>.398</b>	<b>Tinggi</b>

### Analisis Inferensi

Analisis data secara inferensi telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan pelbagai boleh ubah bersandar berdasarkan faktor-faktor boleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Analisis inferensi perbezaan ini telah dilakukan bagi menjawab beberapa soalan kajian. Untuk melakukan kajian ini, kaedah ujian Korelasi telah digunakan bagi membuat analisis inferensi. Kesemua ujian ini dilakukan menggunakan *Software Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 24.0.

### Analisis korelasi pearson antara amalan profesionalisme guru dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab

Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan profesionalisme guru dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 6 menunjukkan analisis korelasi pearson antara amalan profesionalisme guru dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sampel dapatkan kajian ( $N=196$ ) menunjukkan kekuatan korelasi antara amalan profesionalisme guru ( $Min= 4.57$ ,  $SP= .35$ ) dan minat pelajar ( $Min= 4.35$ ,  $SP= .39$ ). Hasil dapatkan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah tetapi berada pada aras yang signifikan iaitu ( $r = .350$ ,  $p < 0.5$ ) antara amalan profesionalisme guru dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatkan daripada kajian yang telah

dijalankan menunjukkan semakin tinggi amalan profesionalisme guru semakin tinggi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Maka Ho1 ditolak.

Jadual 6: Analisis korelasi pearson antara amalan profesionalisme guru dengan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

	Amalan Profesionalisme Guru	Minat Pelajar
Pearson Correlation	1	.350**
Amalan Profesionalisme Guru		
Sig. (2-tailed)		.000
N	196	196

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

**Analisis korelasi pearson antara kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.**

Ho 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 7 di bawah menunjukkan analisis korelasi pearson antara kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sampel dapatkan kajian ( $N=196$ ) menunjukkan kekuatan korelasi antara kemahiran komunikasi guru ( $Min= 4.61$ ,  $SP= .38$ ) dan minat pelajar ( $Min= 4.35$ ,  $SP= .39$ ). Hasil dapatkan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah tetapi berada pada aras yang signifikan iaitu ( $r = .346$ ,  $p < 0.5$ ) antara kemahiran komunikasi guru dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan semakin tinggi kemahiran komunikasi guru semakin tinggi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Maka Ho2 ditolak.

Jadual 7: Analisis korelasi pearson antara kemahiran komunikasi guru dengan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

	Kemahiran Komunikasi Guru	Minat Pelajar
Pearson Correlation	1	.346**
Kemahiran Komunikasi Guru		
Sig. (2-tailed)		.000
N	196	196

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

**Analisis korelasi pearson antara amalan pengurusan bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.**

Ho 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.

Jadual 8 menunjukkan analisis korelasi pearson antara amalan pengurusan bilik darjah dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sampel dapatan kajian ( $N=196$ ) menunjukkan kekuatan korelasi antara amalan pengurusan bilik darjah ( $Min= 4.68$ ,  $SP= .32$ ) dan minat pelajar ( $Min= 4.35$ ,  $SP= .39$ ). Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang sangat lemah tetapi berada pada aras yang signifikan iaitu ( $r = .171$ ,  $p < 0.5$ ) antara amalan pengurusan bilik darjah dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan semakin tinggi amalan pengurusan bilik darjah semakin tinggi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Maka Ho3 ditolak.

Jadual 8: Analisis korelasi pearson antara amalan pengurusan bilik darjah dan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

	Amalan Pengurusan Bilik Darjah	Pengurusan Bilik Darjah	Minat Pelajar
	Pearson Correlation	1	.171*
Amalan Pengurusan Bilik Darjah	Sig. (2-tailed)		.017
	N	196	196

\*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

**Analisis korelasi pearson antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dengan kualiti guru bahasa Arab.**

Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab dengan kualiti guru bahasa Arab.

Jadual 9 menunjukkan analisis korelasi pearson antara minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab dengan kualiti guru bahasa Arab. Sampel dapatan kajian ( $N=196$ ) menunjukkan kekuatan korelasi antara minat pelajar ( $Min= 4.35$ ,  $SP= .39$ ) dan kualiti guru ( $Min= 4.62$ ,  $SP= .31$ ). Hasil dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang lemah tetapi berada pada aras yang signifikan iaitu ( $r = .340$ ,  $p < 0.5$ ) antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan kualiti guru. Dapatan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan semakin tinggi minat

pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab semakin tinggi kualiti guru. Maka Ho4 ditolak.

Jadual 9: Analisis korelasi Pearson antara minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab dan kualiti guru.

	Kualiti Guru	Minat Pelajar
	Pearson Correlation	
Kualiti Guru	1	.340**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	196

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, bilangan yang diperoleh bagi amalan profesionalisme guru di bilik darjah ialah dengan nilai min 4.57, dan sisihan piaawai .35. Ini menunjukkan bahawa amalan profesionalisme guru secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi. Sebelas item pada bahagian pertama soal selidik ini dapat menjawab persoalan kajian yang pertama. Item yang pertama dan kesepuluh guru bertimbang rasa terhadap setiap pelajar dalam kelas dan guru mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi pelajar berada pada tahap yang tertinggi iaitu dengan nilai min 4.70 (SP .52) dan nilai min 4.70 (Sp .54). Manakala item yang keenam guru bersikap mesra terhadap setiap pelajar dalam kelas dengan nilai min 4.46 (SP .65). Item guru sentiasa menepati masa untuk mengajar dengan nilai min 4.29 (SP .70).

Amalan profesional keperibadian guru terhadap pelajar juga dapat ditunjukkan dengan tidak memalukan pelajar-pelajarnya sama ada secara bersemuka atau di hadapan kelas. Tindakan ini bermaksud para guru melayan pelajar-pelajarnya dengan penghormatan yang tinggi. Pendidik juga perlu bersifat pemaaf, positif, menaruh harapan tinggi, menanamkan rasa dipunyai, belas kasihan, mengaku kesalahan sendiri, penyayang, bertanggungjawab, meletakkan kepercayaan terhadap pelajar, jenaka, sabar, adil dan saksama, serta ikhlas (Mohd Sahandri Gani et al, 2010). Perkara ini ditegaskan oleh Tsui dan Cheng (1999) yang menyatakan bahawa kualiti profesi pendidikan adalah amat bergantung kepada guru-guru yang bertanggungjawab menjalankan semua tugas dan aktiviti pendidikan di sekolah. Kejayaan dalam sistem pendidikan sesebuah negara dikaitkan dengan kecemerlangan tahap kualiti guru di sesebuah sekolah tersebut (Jamilah Man, 2016).

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan kemahiran berkomunikasi guru di bilik darjah ialah dengan nilai min 4.61 dan sisihan piawai .38.berada pada tahap yang tinggi. Guru menyampaikan pelajaran dengan bahasa yang betul berada pada tahap tinggi dengan nilai min dan sisihan piawai 4.76 (SP .49). Guru menyampaikan pelajaran dengan sebutan yang jelas juga item yang tinggi dan item pertama dalam dimensi kemahiran berkomunikasi, guru menyampaikan pengajaran dengan bahasa yang mudah difahami pelajar dengan nilai min 4.64 (SP .59). Manakala item guru berjaya memotivasi pelajar dengan memberi pujian dengan nilai min 4.57 (SP .62). Dengan ini menjelaskan bahawa komunikasi sentiasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan penguasaannya akan mempengaruhi keberkesanan kehidupan manusia (Saidatul Nornis, 2011). Komunikasi merujuk kepada pertukaran dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada orang yang lain. Komunikasi dapat menghubungkan dua belah pihak bagi tujuan menyampaikan maklumat (Mohd. Yusof et.al., 2011). Proses penghantaran mesej daripada penghantar kepada penerima dikenali sebagai komunikasi. Komunikasi berkesan hanya akan berlaku apabila penerima memahami mesej yang dihantar dengan tepat. Komunikasi dan interaksi di dalam bilik darjah adalah penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Mok Soon Sang, 2006). Malah kepentingannya dalam pendidikan juga turut diakui Ee Ah Meng (1999) yang menjelaskan, komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru yang tiada kemahiran komunikasi dan interaksi akan mewujudkan kelas yang tidak kondusif menyebabkan pelajar-pelajarnya tidak bermotivasi (Farah Nur A.Hamid 2015).

Ini selari dengan pandangan Mayer & Gallini (1990) yang menerangkan bahawa faktor guru yang berkesan adalah memberi penerangan yang jelas serta memberi contoh-contoh yang sesuai. Selain itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran dengan sistematik dan tersusun (Kallison, 1986). Guru yang mempunyai kompetensi pengajaran yang baik ialah guru yang berkeupayaan untuk menyampaikan pengajaran, konsep atau kemahiran yang mudah difahami, diingat dan menyeronokkan pelajar (Shahril, 2005). Kualiti guru berkait rapat dengan kemampuan guru mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran ke arah yang lebih positif. Justeru, kualiti berkenaan merupakan kebolehan kognitif dan verbal guru. Kedua-dua aspek tersebut merupakan faktor kualiti guru yang boleh memberi kesan kepada suasana pembelajaran pelajar (Mohd. Hafiz, 2016).

Seterusnya amalan pengurusan bilik darjah menunjukkan bahawa amalan pengurusan bilik darjah secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.68 dan sisihan piawai .32. Hal ini mendapat bahawa guru perlu memastikan bilik darjah ceria untuk proses pengajaran dan pembelajaran, guru harus meminta pelajar mematuhi peraturan sekolah, guru juga berperanan

memastikan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran dalam kelas, guru menegur salah laku pelajar dengan serta-merta tanpa memalukan pelajar dalam kelas, guru memastikan susun atur kedudukan pelajar sesuai dengan aktiviti yang dijalankan di kelas, guru menggunakan ruang bilik darjah sepenuhnya untuk pembelajaran pelajar, guru memastikan kelas selamat sebelum menjalankan aktiviti dan guru memastikan pelajar tidak bising semasa pembelajaran dijalankan dalam kelas, kesemua item tersebut berada pada tahap tinggi. Guru adalah individu yang dipercayai mempunyai pengaruh yang signifikan dalam bilik darjah dan memainkan peranan penting untuk mendidik generasi muda (Nordin, 2008). Kajian yang telah dibuat oleh (Anderson et al., 1988) mengenai budaya formal sekolah dari aspek sosial menyatakan semua bentuk tindakan guru dengan pelajar yang dominasi dan interaktif dalam mencari satu set kelakuan guru dan pelajar di dalam bilik darjah. Dapatkan kajian mereka mendapati bahawa bentuk tindakan interaktif di dalam bilik darjah dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar ke arah pembentukan budaya ilmu di sekolah. Ini memberikan satu pandangan bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar, mampu mengawal interaksi di dalam kelas dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Susunan kedudukan pelajar dalam kelas juga amat penting agar guru dapat bergerak dengan selesa dan dapat meninjau gerak kerja setiap pelajar. Penggunaan sepenuhnya seluruh ruang dalam kelas amat penting supaya pelajar yang berada di belakang kelas tidak ketinggalan mengikuti pelajaran bersama pelajar di bahagian hadapan. Guru yang menggunakan ruang kelas sepenuhnya dapat menyampaikan pengajaran kepada semua pelajar. Ini bermakna pelajar di bahagian hadapan dan belakang akan berpeluang mendengar suara guru dengan jelas. (Shuhana, 2016).

Selanjutnya tahap minat pelajar dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab mendapati dengan nilai min 4.35, dan sisihan piawai .39 menunjukkan bahawa minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab adalah pada tahap yang tinggi. Minat mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila seseorang meminati sesuatu maka ia akan bersikap positif terhadap perkara tersebut. Hal ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan. Namun, ada kalanya minat tidak selari dengan sikap seseorang. Seseorang pelajar yang berminat dengan mata pelajaran kejuruteraan tetapi malas untuk membuat kajian dan penerokaan tidak akan berjaya menjadi seorang Jurutera. Minat juga berkait rapat dengan motivasi dalam (Zulzana Zulkarnain, 2013). Kenworthy dalam Noraini (Noraini Omar, 2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam menyuburkan minat pelajar untuk belajar (Mohd. Hafiz, 2016).

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti guru dan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Aspek kualiti guru yang dibincangkan meliputi tiga dimensi iaitu amalan profesionalisme guru, kemahiran komunikasi guru dan amalan pengurusan bilik darjah. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kualiti guru yang meliputi tiga dimensi tersebut mempengaruhi minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kualiti diri guru Bahasa Arab adalah tinggi. Guru merupakan individu yang paling berpengaruh dalam meningkatkan minat dan pencapaian pelajar (Mohammad Abdillah Samsuiman, 2015). Selain itu, kajian ini selari dengan kajian Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat (2017) menjelaskan dalam memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, satu usaha dan langkah perlu difikirkan dalam menghasilkan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Perkara ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab yang mantap dan cemerlang. Oleh yang demikian, kualiti guru bahasa Arab memainkan peranan penting dalam menanamkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran yang wajib dipelajari oleh umat Islam. Kefahaman yang jelas terhadap isi kandungan al-Quran berupaya mendidik generasi Abad ke-21 dengan nilai-nilai rahmatan li al-Alamin bagi menterjemahkan ketamadunan Islam di Malaysia.

## PENUTUP

Kualiti guru Bahasa Arab adalah amat penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Justeru, pemilihan kaedah yang tepat perlu dititikberatkan untuk mencapai keberkesanannya pengajaran. Penentuan dan pemilihan kaedah pengajaran adalah sangat penting kerana peranan guru bukan hanya sekadar memindahkan maklumat dan kemahiran kepada pelajar bahkan guru perlu berperanan untuk memastikan para pelajar benar-benar memahami dan dapat mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Oleh itu, melalui pemilihan kaedah yang tepat dan kebijaksanaan guru mengaplikasikannya dengan baik akan menjamin keberkesanannya dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam Pendidikan abad ke-21.

## RUJUKAN

- Ab.Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong. (2016). Minat dan sikap pelajar bacelor bahasa Arab di ipma malaysia terhadap bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) Volume 1(1), Jun 2016: 21 – 37.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 82-97.
- Abd. Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd

- Abdul Shukor Abdullah. (2011). "Guru berperanan penting, transformasi visi pendidikan",<http://upsikini.blogspot.my/2011/09/pro-canselor>
- Al-Khuliy Muhammad 'Aliy. (1982). *Asalib Tadris al-Lughat al- 'Arabiyyat. Riyad.*
- Andrews, S. L. (2012). *Impact of Teacher Qualification on Student Achievement at the Elementary and Middle School Levels*. Walden University.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). *Cabaran-cabaran Dalam Pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan di IPT: Kajian kes. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohamad. (2016). 50 permainan bahasa Arab: panduan praktikal untuk guru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farah Nur A.Hamid, Maslida Yusof. (2015). *Analisis Struktur Fokus Dalam Komunikasi Arahan Guru dalam Bilik Darjah*. Jurnal Melayu.346-361.
- Geo, Laura. 2007. *The Link Between Teacher Quality and Student Outcomes: A Research Synthesis*. Washington DC: National Comprehensive Center for teacher Quality.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). *Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. GEMA Online™ Journal of Language Studies. Volume 10(3) 2010: 15-33]
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah & Naqibah Mansor. (2018). Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia: amalan dan cabaran. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Ibtisam bt Abdullah Zamri bin Ahmad. 2012. *Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam,UKM.
- Ismail Reduan (1992). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran dan pembelajaran matematik di kalangan pelajar sekolah rendah*. Jurnal Akademik.
- Jamilah Man, Yahya Don & Siti Noor Ismail (2016). *Kepimpinan Transformasional dan Kualiti Guru Generasi 'Y'*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan.
- Kamus Dewan. (2006). Edisi Empat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kaplan, L.S., & Owings, W.A. (2001). *Personalizing learning to prevent failure*. Principal Leadership, 1, 42–47.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya: Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti.

- Lee Shok Me (1991). *Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shaharuddin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysi*, 39(1), 51-61.
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman, Zamri Arifin (2015) *Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar dalam Bahasa Arab dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab MRSM Ulul Albab Kota Putra*. Journal of Human Capital Development.
- Muhammad Rusdi Ab Majid & Zawawi Ismail. (2018). Pengetahuan teknologi guru Bahasa Arab dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Volume 18, No. 1, September 2018, Pages 1 to 13.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mok, Soon Sang. (2006). *Ilmu pendidikan Untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Muhammad Suhaimi Taat. (2014). *Melahirkan Guru Berkualiti*. Utusan Borneo, 4.
- Muhyiddin Yassin (2013). *Ucapan Penggulungan: Perhimpunan Agung UMNO 2013*. Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
- Noor Erma Binti Abu & Leong Kwan Eu. (2014). *Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (Januari 2014, Bil. 2 Isu 1).
- Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan 'Ulwan's Journal* Jilid 1, halaman 125-142.
- Noraini Omar (2008). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima*. Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak, Sarawak.
- Nordin A.R. (2008). *Malaysian primary school: A Cross-cultural Comparative Study*. University of South Australia, Adelaide, Flinders. (bahan tidak diterbitkan).
- Nordin A.R. (2008). *Malaysian primary school: A Cross-cultural Comparative Study*. University of South Australia, Adelaide, Flinders. (bahan tidak diterbitkan).
- Perancang Ekonomi. (2010) *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*: Putrajaya <http://www.moe.gov.my/my/standard-kualiti-pendidikan-malaysia> diakses pada 24.12 2018.

- R., Xie, J., Jeng, Y.-C., & Huang, S. (2010). *The Relationship between Teacher Quality and Teaching Effectiveness Perceived by Student from industrial Vocational Higt Schools*. Asian Journal of Arts and Sciences, 1(2), 167-187.
- Rusydiyah Ahmad Ta'imat (1989). *Ta'lim al 'Arabiyyat li ghayr al-Natiqina Biha Manahijuhi wa Asalibuhu*. Ribat.
- Saidatul Nornis. 2011. *Kalang Mpat sebagai teknik interaksi Bajau Darat di Sabah*. Jurnal Melayu, 7:217-318.
- Salleh Abd Rashid. 2003. *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran*. Dibentangkan di Seminar Pendidikan MPBL
- Slavin, R. (1994). *A theory of school and classroom organization*. Dalam R. Slavin, (Ed.), School and Classroom Organization. Hillsdale, NJ:Erlbaum.
- Slavin, R.E. (1987). A Theory of school And Classroom Organization. Educational Psychologists. 22. 89-108.
- Tsui, K., & Cheng, Y. (1999). *School organizational health and teacher commitment: A contingency study with multi-level analysis*. Educational Research and Evaluation, 5(3), 249-268.
- Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily (2007). Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wesch, M. (2008). *A Vision of Students Today (& What Teachers Must Do)* Britannica Blog; Retrieved December 31, 2008
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib. (2013). *Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Cc301 – Quantity Measurement*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREduc 2013).